

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

**YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sama ada syarikat petroleum negara,
PETRONAS pernah menggunakan kaedah pengekstrakan gas
semulajadi secara "*fracking*" di mana-mana lokasi di Malaysia atau di
luar negara dan menyenaraikan lokasi-lokasi tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS menggunakan kaedah "*fracking*" sebagai salah satu daripada kaedah-kaedah yang digunakan untuk tujuan pengeluaran minyak dan gas. Banyak faktor akan dinilai sebelum kaedah yang sesuai dipilih seperti geologi, kapabiliti, teknologi dan juga kos.

Di dalam negara, PETRONAS hanya menggunakan kaedah "*fracking*" di Lapangan Angsi yang terletak kira-kira 170km dari pesisiran pantai Semenanjung Malaysia. Manakala di luar negara, kaedah "*fracking*" ini diguna pakai di Lapangan Montney, Kanada dan juga di Lapangan Vaca Muerta, Argentina.

Sekian, terima kasih.